




“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj.Kami : MPM.600-15/2/1 Jld.2(22)

Tarikh : 5 Jamadilakhir 1436H
26 Mac 2015

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 IPOH
Perak Darul Ridzuan

(u.p. Ketua Sektor Penilaian dan Peperiksaan)



Tuan/Puan

PEMBERITAHUAN PINDAAN KALENDAR PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU STPM TAHUN 2015

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan Kalendar Peperiksaan STPM 2015 kemaskini 24 Mac 2015 dan Jadual Waktu Peperiksaan Penggal 2, Penggal 3, Ulangan 1, Ulangan 2 dan Ulangan 3 STPM tahun 2015 boleh didapati dalam laman web portal Majlis Peperiksaan Malaysia di alamat www.mpm.edu.my untuk kegunaan/tindakan tuan/puan selanjutnya.

3. Pemindaan tarikh pada kalendar ini adalah disebabkan oleh perkara yang berikut:

- 3.1 Cuti Hari Ulang Tahun Keputeraan Raja Perlis ialah pada 17 Mei 2015 iaitu hari Ahad maka 18 Mei 2015 merupakan hari cuti umum ganti bagi negeri Perlis. Oleh itu, peperiksaan yang dijadualkan pada 18 Mei 2015 ditukar kepada 14 Mei 2015.
- 3.2 Cuti Hari Keputeraan Sultan Johor ialah pada 22 November 2015 iaitu hari Ahad maka 23 November 2015 merupakan hari bekerja bagi negeri Johor kerana cuti umum negeri Johor telah ditukar daripada Sabtu dan Ahad kepada Jumaat dan Sabtu. Sehubungan dengan itu, berlaku pindaan tarikh peperiksaan bagi peperiksaan ulangan penggal 1 dan ulangan penggal 2.

4. Dipohon pihak tuan/puan memanjangkan pemberitahuan ini kepada pengetua sekolah yang mempunyai tingkatan 6 di negeri tuan/puan, dan pemberitahuan ini juga boleh dirujuk di portal Majlis Peperiksaan Malaysia.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah


RAHIM BIN AHMAD
Bahagian Pengendalian STPM dan MUET
b.p. Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia



**STPM 2015**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
KALENDAR PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2015

PERKARA	PEPERIKSAAN PENGGAL			PEPERIKSAAN ULANGAN		
	Penggal 1 (2014)	Penggal 2 (2015)	Penggal 3 (2015)	Ulangan Penggal 1 (2015)	Ulangan Penggal 2 (2015)	Ulangan Penggal 3 (2016)
Tarikh Pendaftaran Dibuka	16 Jun 2014 (Semua jenis calon)			4 Mei 2015	13 Julai 2015	Akan dimaklumkan kemudian
		5 Januari 2015 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)				
		2 Mac 2015 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2014)				
Tarikh Pendaftaran Ditutup	4 Julai 2014 (Semua jenis calon)			18 Mei 2015	27 Julai 2015	Akan dimaklumkan kemudian
		19 Januari 2015 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)				
		24 April 2015 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2014)				
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab	-	-	5, 6, 7, 8, 12 dan 13 Oktober 2015	-	-	-
Tarikh Peperiksaan Bertulis	13, 17, 18, dan 19 November 2014	14, 19, 20, dan 21 Mei 2015	2, 3, 4, 5, dan 16 November 2015	17, 19, 23, dan 24 November 2015	25, 26, 30, November dan 1 Disember 2015	Akan dimaklumkan kemudian

Kemaskini 24 Mac 2015

Nota:

1. Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
2. Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada penggal 1.
3. Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2014 boleh mendaftar pada penggal 2 sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis bagi penggal 1 dan penggal 2 sekaligus pada penggal 3.
4. Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2014 dikehendaki memilih dan menduduki kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan Kerja Kursus (KK). Namun demikian, sekiranya tidak terdapat kertas peperiksaan bertulis alternatif yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau tidak melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:
 - (a) Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan Kerja Kursus, maka markah KK yang diperolehi oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
 - (b) Jika memilih untuk melaksanakan Kerja Kursus yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK yang diperolehi oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah Kerja Kursus STPM sebelumnya.
(Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2015** tentang Pendaftaran Lewat).
5. Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas dan tiada markah KK tahun sebelumnya, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2015** tentang Pendaftaran Lewat).
7. Semak semula dibuka selama 7 hari bermula daripada keputusan peperiksaan penggal 1, penggal 2 dan penggal 3 dimuat naik.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1664/1665**.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA, PERSIARAN 1, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel: 03-61261600 Faksimile: 03-61361488 Portal MPM: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my

Edisi: 24.3.2015